

Ruj. Kami : ST(IP/JKE)KE/06/09 ()
Tarikh : 7 Januari 2020

SEMUA
Pengilang & Pengimport
Kelengkapan Elektrik

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2,
62100 Putrajaya, Malaysia.
T : +603 8870 8504 F : +603 8888 8633
Toll Free : 1-800-2222-78

Ketua Pegawai Eksekutif / Chief Executive Officer

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN: PENGGUNAAN LABEL CEKAP TENAGA YANG BARU BAGI
KELENGKAPAN ELEKTRIK**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Tadbir Urus Suruhanjaya Tenaga telah meluluskan *design* baru bagi *artwork* Label Cekap Tenaga Suruhanjaya Tenaga yang mempunyai ciri-ciri keselamatan dan mengandungi maklumat yang terperinci bagi menentukan kesahihan kelulusan kelengkapan yang ditampal dengan label cekap tenaga ini.


3. Maklumat-maklumat ini akan membantu pihak Suruhanjaya Tenaga dalam menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan dan juga membantu para pengguna dalam membuat pilihan yang bijak ketika membeli kelengkapan elektrik.

3. Sehubungan dengan itu, bermula **1 Februari 2020**, pengilang dan pengimport kelengkapan berkaitan dikehendaki untuk menggunakan label cekap tenaga yang baru untuk ditampal pada kelengkapan mahupun bagi tujuan promosi atau pengiklanan. Bagi kelengkapan yang sudah berada di pasaran, tempoh masa satu tahun diberikan untuk membuat pembedahan atau menghabiskan stok sebelum tindakan undang-undang diambil.

4. Panduan dan penerangan mengenai *design artwork* baru ini boleh dimuat turun dari laman sesawang ST di alamat <https://www.st.gov.my/web/consumer/details/7/2>

5. Pengimport dan pengilang boleh menghubungi Unit Kelengkapan, Jabatan Kawalselia Keselamatan bagi mendapatkan *artwork* berkenaan di alamat emel meps@st.gov.my

Sekian, terima kasih.




(ABDUL RAZIB BIN DAWOOD)
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Tenaga

S.k.

1. Ketua Pegawai Operasi
Suruhanjaya Tenaga
2. Pengarah
Jabatan Penguatkuasaan & Operasi Kawasan
Suruhanjaya Tenaga
3. Pengarah
Jabatan Perancangan & Komunikasi Strategik
Suruhanjaya Tenaga
4. Pengarah Urusan
SIRIM QAS International Sdn Bhd
1, Persiaran Dato' Menteri,
Seksyen 2, 40000 Shah Alam, Selangor
5. Head, Trade Facilitation
Dagang Net Technologies Sdn Bhd
Tower 3, Avenue 5
The Horizon, Bangsar South
No 8, Jalan kerinchi
59200 Kuala Lumpur


LABEL CEKAP TENAGA



Jenis Kelengkapan
Or Code Dijana dari COA

Peratus Penjimatan
(diambil dari Test Report)

Suruhanjaya Tenaga
Energy Commission
www.st.gov.my



Jenama dan No. Model

Tahun Penarafan Bintang
disemak/dilaksanakan

Purata Penggunaan Tenaga
Setahun (diambil dari Test Report)

Nombor Kelulusan CoA
(daripada CoA)

Suruhanjaya Tenaga
Energy Commission
www.st.gov.my